

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah statistik peningkatan orang ramai yang menggunakan pengangkutan awam selepas pelaksanaan Pas Perjalanan Tanpa Had My100 dan My50.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pas Bulanan Tanpa Had bagi perkhidmatan rel dan bas RapidKL iaitu My100 dan bagi perkhidmatan bas RapidKL iaitu My50 telah diperkenalkan pada Disember 2018. Sejak diperkenalkan, jumlah langganan pas My100 telah mencapai 458,545 pengguna rel dan bas RapidKL pada bulan Mei 2019, manakala langganan My50 bagi perkhidmatan bas RapidKL mencapai 13,149 pengguna unik.

2. Pada masa yang sama, statistik pengguna perkhidmatan rel dan bas di Lembah Klang bagi tempoh Januari sehingga Mei 2019 telah meningkat sebanyak 1.1%, iaitu 1,303,161 penumpang harian tahun ini berbanding 1,288,970 penumpang harian bagi tempoh sama pada tahun 2018. Ini jelas menunjukkan pengenalan Pas Bulanan Tanpa Had My100 dan My50 oleh Kerajaan memberi manfaat kepada pengguna pengangkutan awam rel dan bas khususnya perkhidmatan RapidKL.

Sekian, terima kasih.